

TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN PBe QR PUBLIC BANK

Terma dan Syarat yang berikut akan mengawal Perkhidmatan PBe QR dan Perkhidmatan PBe QR API (secara kolektif dikenali sebagai “Perkhidmatan” Bank) dengan Public Bank.

1. Takrifan

1.1 Bagi tujuan Terma dan Syarat ini, istilah yang berikut akan ditakrifkan seperti yang berikut:

"Akaun" bermaksud semua jenis akaun deposit yang ditawarkan oleh mana-mana bank yang boleh digunakan untuk membuat bayaran kepada pihak ketiga berdasarkan terma penggunaan penyedia akaun berkenaan. Ini termasuk, tetapi tidak terhad pada, akaun simpanan/semasa konvensional and Islam, akaun e-wang dan akaun maya.

"ID Akses" bermaksud *username* dan/atau kata laluan dan/atau maklumat penentuan rahsia lain, termasuk PBe QR API *Access Key*, yang diperlukan untuk mengakses dan/atau menggunakan Perkhidmatan, sama ada dalam bentuk perkataan, kod, nombor, kumpulan huruf atau bentuk atau kombinasi seumpamanya yang lain, seperti yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa.

"Penggabungan API" bermaksud sambungan yang dibolehkan antara sistem bahagian belakang Bank yang membolehkan perkhidmatan PBe QR dengan aplikasi berkaitan yang lain kepada penyedia perisian pilihan anda. Penggabungan menggunakan struktur mesej yang secara amnya diistilahkan sebagai Antara Muka Pemrograman Aplikasi (Application Programming Interfaces - APIs) bagi membolehkan pertukaran data.

"Perkhidmatan API" bermaksud arahan atau permohonan digital yang membolehkan pelayan untuk berkomunikasi antara satu sama lain selepas penggabungan bagi membolehkan pertukaran data.

"Orang Yang Dibenarkan" bermaksud wakil Saudagar yang dibenarkan dan mempunyai hak yang mencukupi berdasarkan dasar Saudagar untuk menguruskan langganan PBe QR, pengurusan dan untuk menerima bayaran bagi pihak Saudagar.

"Juruwang" bermaksud orang yang dibenarkan oleh Saudagar untuk menerima bayaran DuitNow QR daripada Pembayar bagi pihak Saudagar. Bayaran yang diterima akan dikreditkan dalam akaun Saudagar.

"DuitNow QR" bermaksud perkhidmatan pindahan dana elektronik oleh PayNet yang memudahkan bayaran Tempat Jual (Point-of-Sale (POS))/e-Dagang dan pindahan kredit yang disalurkan menggunakan maklumat yang diperolehi dengan mengimbas Kod QR yang mematuhi Piawaian Kod QR Nasional DuitNow.

"Peserta DuitNow QR" bermaksud mana-mana institusi kewangan dan pengeluar E-Wang yang didaftarkan dengan PayNet untuk mengakses ekosistem DuitNow QR bagi memudahkan bayaran QR. Pelanggan termasuk tetapi tidak terhad kepada institusi kewangan luar negeri dan pengeluar e-Wang dari luar negeri apabila penyertaan mereka dalam ekosistem DuitNow dibuat melalui pengendali bayaran luar negeri atau bayaran bertukar yang didaftarkan dengan PayNet.

"QR Dinamik" bermaksud Kod QR unik yang terhasil selepas Saudagar menekan amaun bayaran yang diminta.

“Peralatan” bermaksud apa-apa peralatan, peranti atau medium elektronik, tanpa wayar, komunikasi, penghantaran atau telekomunikasi yang sesuai termasuk tetapi tidak terhad pada internet, apa-apa komputer, tablet, telefon pintar, peranti, terminal atau sistem yang mungkin diperlukan untuk mengakses dan menggunakan Perkhidmatan.

“E-Dompot” bermaksud platform dalam talian, platform e-dagang atau apa-apa platform lain yang disediakan oleh pengeluar skim e-wang yang dilesenkan oleh Bank Negara Malaysia.

“Internet” bermaksud rangkaian komputer yang mengandungi rangkaian komputer sedunia menggunakan protokol rangkaian TCP/IP untuk memudahkan penghantaran dan pertukaran data.

“Saudagar” atau **“Anda”** bermaksud individu, perniagaan yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), pemilik tunggal dan perkongsian, agensi kerajaan, badan berkanun, pertubuhan dan/atau entiti lain yang menerima dana melalui Perkhidmatan PBR QR dan istilah **“Saudagar”** hendaklah, mana-mana yang berkenaan diperluaskan untuk termasuk juruwang dan pengurus outlet. Saudagar hendaklah mempunyai akaun dengan mana-mana bank untuk menerima dana.

“Peranti Mudah Alih” bermaksud telefon mudah alih, telefon pintar, tablet atau peranti komunikasi lain yang digunakan untuk mengakses Perkhidmatan PBe QR.

“Penyedia Perkhidmatan Rangkaian” bermaksud apa-apa penyedia perkhidmatan internet atau perkhidmatan dalam talian perdagangan yang menyediakan rangkaian internet kepada World Wide Web.

“Outlet” bermaksud kedai sebenar dan/atau kedai maya yang dikendalikan oleh Saudagar bagi tujuan untuk menjual barang dan/atau perkhidmatan kepada pelanggan Saudagar.

“Pembayar” bermaksud seorang individu atau perniagaan yang merupakan pelanggan peserta DuitNow QR yang membuat Pembayaran QR kepada Saudagar bagi pembelian barang menggunakan aplikasi mudah alih atau peranti elektronik lain.

“Bayaran” bermaksud suatu perintah oleh Pembayar kepada Bank atau penyedia e-Dompot Pembayar untuk mengeluarkan bayaran atau pindahan kredit kepada Saudagar. Pembayar membuat bayaran dengan mengimbas kod QR Saudagar dan bayaran akan ditolak daripada akaun Pembayar dan dibayar terus dalam Akaun Penyelesaian Saudagar.

“PayNet” bermaksud Payments Network Malaysia Sdn Bhd, subsidiari milik penuh Bank Negara Malaysia.

“PBe QR” bermaksud kemudahan penerimaan Saudagar yang disediakan oleh Bank untuk Saudagar bagi menerima bayaran berasaskan QR daripada pelbagai platform bayaran QR.

“PBe QR Access Key” bermaksud pengesahan diri yang digunakan oleh Bank dan penyedia e-Dompot untuk mengenal pasti akaun PBe QR bagi tujuan permohonan pengesahan dan penentusahan yang menggunakan *PBe QR Access Key* dan akan diatribut kepada akaun PBe anda dan permintaan itu akan dianggap sebagai muktamad.

Perkhidmatan “PBe QR API” bermaksud perkhidmatan API dalam talian yang membolehkan penyedia anda untuk memohon untuk pertukaran data dan bagi pindaan tetapan akaun PBe QR anda kepada dan daripada Bank.

“Aplikasi Saudagar PBe QR” atau **“Aplikasi Saudagar”** bermaksud aplikasi mudah alih PBe QR yang dimuat turun dari kedai aplikasi yang dibenarkan dan dipasang oleh juruwang dan/atau Saudagar pada Peranti Mudah alih mereka untuk menerima bayaran.

“Portal Saudagar PBe QR” atau **“Portal Saudagar”** bermaksud platform dalam talian yang membolehkan wakil Saudagar untuk menjana kod QR, melihat laporan dan urus niaga lampau, serta menguruskan profil perniagaan, termasuk informasi outlet dan juruwang mereka.

"Perkhidmatan PBe QR" bermaksud perkhidmatan yang disediakan untuk Saudagar di Portal Saudagar PBe QR dan/atau Aplikasi Saudagar PBe QR.

"Public Bank" atau "Bank" atau "kami" bermaksud Public Bank Berhad [196501000672 (6463-H)], sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftar di Tingkat 27, Menara Public Bank, 146, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur atau Public Islamic Bank Berhad [197301001433 (14328-V)], sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftar di Tingkat 27, Menara Public Bank, 146, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur, mengikut keadaannya, dan pengganti serah hak dan pengganti dan penerima serah haknya, dan mana-mana yang berkenaan, mana-mana satu daripadanya.

"Kumpulan Public Bank" bermaksud cawangan, agensi, wakil, pegawai, rakan sekutu atau perbadanan yang berkaitan termasuk tetapi tidak terhad pada subsidiari dan pegawai, kakitangan atau ejen masing-masing.

"Kod QR" bermaksud kod bar dua dimensi yang boleh dibaca menggunakan kamera telefon pintar atau peranti mudah alih yang dilengkapi dengan pembaca QR.

"Promosi QR" bermaksud promosi yang dibuat oleh Public Bank kepada pembayar-pembayar yang mungkin pelanggan atau mungkin bukan pelanggan Public Bank.

"Akaun Penyelesaian" bermaksud semua jenis akaun deposit yang ditawarkan oleh Public Bank atau bank Pihak Ketiga, yang boleh digunakan oleh Saudagar untuk menerima amaun bayaran yang termasuk akaun simpanan/semasa konvensional dan Islam, dan akaun maya.

"QR Statik" bermaksud Kod QR yang dipamerkan yang memerlukan Pembayar untuk memasukkan jumlah bayaran atau pindahan kredit.

"Terma dan Syarat" bermaksud Terma dan Syarat PBe QR dan semua lampiran dan/atau jadualnya seperti yang boleh dipinda, ditukar, diubah dan/atau diubah suai dari semasa ke semasa melalui instrumen bertulis oleh Public Bank.

"Pihak Ketiga" bermaksud bank atau institusi kewangan lain yang bukan sebahagian daripada dan/atau yang bersekutu dengan Public Bank.

"Akaun Maya" bermaksud akaun yang boleh digunakan hanya untuk urus niaga berasaskan dalam talian, khusus bagi tujuan seperti yang disediakan oleh bank-bank kepada pemegang akaun.

2. Rujukan

- 2.1 Suatu rujukan pada nombor mufrad termasuk jamak dan sebaliknya.
- 2.2 Suatu rujukan pada gender maskulin termasuk feminin dan neuter dan sebaliknya.
- 2.3 Merujuk seorang yang termasuk peguam, wasi dan pentadbir orang berkenaan dan Terma dan Syarat ini akan mengikat orang berkenaan.
- 2.4 Suatu rujukan kepada "termasuk" atau "misalnya" atau perkataan lain seumpamanya apabila memperkenalkan suatu contoh tidak menghadkan maksud perkataan contoh berkenaan.

3. Terma dan Syarat

- 3.1 Terma dan Syarat ini mengawal Perkhidmatan, dan penting anda untuk membaca dan memahami Terma dan Syarat ini sebelum menggunakan dan mengakses Perkhidmatan tersebut. Sekiranya anda menggunakan dan mengakses Perkhidmatan, anda dianggap sebagai telah membaca, memahami dan menerima Terma dan Syarat ini.
- 3.2 Terma dan Syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan terma dan syarat yang mengawal Perbankan Dalam Talian Public Bank (PBe) dan Perbankan Mudah Alih (PB engage). Akaun deposit Public Bank atau bank Pihak Ketiga dan apa-apa terma dan syarat lain yang mengawal semua produk dan perkhidmatan Kumpulan Public Bank.

3.3 Sekiranya terdapat percanggahan atau ketakseragaman antara Terma dan Syarat ini dengan terma dan syarat yang mengawal yang disebut di atas, Terma dan Syarat ini akan diterima pakai bagi perkara berkaitan dengan perkhidmatan.

4. Pendaftaran

4.1 Anda boleh mendaftar untuk Perkhidmatan melalui Portal Saudagar PBe QR.

4.2 Kami boleh menolak pendaftaran dengan memberi makluman kepada anda tanpa memberi apa-apa sebab.

5. Penggunaan dan Akses

5.1 Aplikasi Saudagar PBe QR membolehkan Juruwang Saudagar untuk membuat pengurusan sendiri Akaun PBe QR mereka termasuk untuk menjana kod QR dan untuk melihat urus niaga lampau mereka.

5.2 Perkhidmatan PBe QR API membolehkan antara muka (“antara muka”) pihak ketiga untuk menjana kod DuitNow QR, menguruskan juruwang dan outlet dan memetik laporan PBe QR bagi pihak Saudagar. Perkhidmatan PBe QR API disediakan seadanya dan Saudagar diberi pilihan untuk tidak memilih ciri-ciri terpilih dalam Portal Saudagar.

5.3 Anda bersetuju untuk kami memberi maklumat antara muka berkenaan dengan urus niaga PBe QR anda.

5.4 Kami akan menyediakan jenis akses dan maklumat yang diberikan kepada antara muka berdasarkan pemilihan Saudagar dalam Portal Saudagar.

5.5 Penggunaan dan akses adalah atas dasar bukan eksklusif dan tidak boleh dipindahkan.

5.6 Anda tidak boleh menggunakan Perkhidmatan bagi tujuan lain termasuk bagi apa-apa aktiviti tidak sah selain daripada untuk mengakses profil dan/atau akaun anda sendiri.

5.7 Anda akan memastikan yang anda akan log keluar (log off) daripada Perkhidmatan pada apa-apa Peralatan yang digunakan untuk mengakses Perkhidmatan.

5.8 Anda tidak akan membenarkan mana-mana orang yang tidak dibenarkan untuk menggunakan dan mengakses Perkhidmatan menggunakan Access ID anda.

5.9 Anda tidak akan mengeluarkan semula, mengubah atau “*reverse engineer*” (menganalisis sistem perisian) Perkhidmatan tersebut atau membuat melakukan apa-apa tindakan yang tidak dibenarkan oleh Perkhidmatan.

5.10 Anda akan memastikan bahawa anda menggunakan dan mengakses versi terkini Aplikasi Saudagar yang dikemas kini itu pada setiap masa.

5.11 Anda tidak boleh memasang, menggunakan dan mengakses Perkhidmatan menggunakan Peralatan *jail-broken* atau *rooted* kerana terdapat risiko bahawa Peralatan itu boleh melepasi ciri-ciri keselamatan yang dipasang pada Perkhidmatan.

5.12 Anda dilarang daripada menjalankan perniagaan dan menggunakan Perkhidmatan PBe QR di luar Malaysia.

Perkhidmatan PBe QR API

5.13 Dengan mengaktifkan Perkhidmatan PBe QR API, Saudagar bersetuju bahawa ia menyedari sepenuhnya mengenai Perkhidmatan PBe QR API itu dan bersetuju untuk mengaktifkan Perkhidmatan PBe QR API itu melalui Portal Saudagar. Saudagar akan memastikan bahawa anda memahami sepenuhnya Terma dan Syarat yang mengawal Antara Muka itu dan tidak akan mempertanggungjawabkan Bank bagi apa-apa kesilapan atau ketidakfungsian oleh Antara Muka.

- 5.14 Saudagar bersetuju untuk menilai keselamatan Antara Muka sebelum membolehkan Penggabungan PBe QR dengan kosnya sendiri. Dengan membenarkan Penggabungan API kepada Antara Muka, Saudagar bersetuju bahawa ia berpuas hati dengan langkah-langkah/pengendalian sekuriti Antara Muka dan tidak akan mempertanggungjawabkan Bank bagi apa-apa kemungkiran atau kebocoran data yang disebabkan oleh Antara Muka.
- 5.15 Sekiranya Saudagar menemui apa-apa ketakseragaman pada pengendalian keselamatan Antara Muka yang mungkin menyebabkan Saudagar tidak bersetuju dengan terma Perkhidmatan PBe QR API atau mana-mana Terma dan Syarat Bank, Saudagar boleh menghentikan Perkhidmatan PBe QR API bagi Antara Muka yang berkenaan di Portal Saudagar.
- 5.16 Melainkan apa-apa yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini dan sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang dan peraturan, Saudagar memahami bahawa pada ketika Bank boleh menggunakan usaha baiknya untuk memastikan semua maklumat yang dihantar atau diterima menggunakan Perkhidmatan PBe QR API adalah selamat dan tidak boleh diakses oleh pihak ketiga yang tidak dibenarkan, bank tidak mewajarkan keselamatan maklumat yang dihantar atau diterima oleh Saudagar menggunakan Perkhidmatan PBe QR API ini.

6. Peralatan

- 6.1 Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan Peralatan, terminal komputer dan perisian dan perkakasan yang berkaitan memenuhi keperluan minimum yang ditetapkan oleh kami dari semasa ke semasa untuk kegunaan dan akses Perkhidmatan.
- 6.2 Anda tidak akan membiarkan Peralatan anda tanpa pengawasan sehingga membolehkan orang lain menggunakan dan mengakses Perkhidmatan tersebut.
- 6.3 Anda akan membolehkan Peralatan yang anda gunakan untuk mengakses Perkhidmatan itu dikunci.

7. Access ID

- 7.1 Anda akan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk memastikan dan mengelakkan *Access ID* anda digunakan tanpa kebenaran dan secara penipuan pada setiap masa dan menyimpan Peralatan anda yang boleh digunakan untuk menjalankan Perkhidmatan kecuali apabila anda menggunakan dan mengakses Perkhidmatan.
- 7.2 Anda tidak akan merekodkan *Access ID* anda pada mana-mana perisian yang secara automatik akan menyimpannya (seperti ciri-ciri geraan pada skrin komputer atau *save password* atau pada penyemak seimbans). Anda juga hendaklah memastikan peranti elektronik anda termasuk tetapi tidak terhad pada komputer peribadi, telefon pintar, *tablet*, *notebook* dan komputer riba tidak menyimpan atau merekodkan *Access ID* anda secara automatik.
- 7.3 Anda bersetuju bahawa *Access ID* anda adalah rahsia dan mengaku janji untuk tidak mendedahkan atau menunjukkannya atau dalam apa jua cara menyebabkan *Access ID* anda itu didedahkan atau ditunjukkan kepada mana-mana orang (termasuk kakitangan kami) melalui panggilan telefon, e-mel, mana-mana laman web atau aplikasi mudah alih selain bagi Perkhidmatan. Apa-apa dokumen yang dihantar oleh kami kepada anda berkenaan dengan *Access ID* itu mesti dimusnahkan selepas anda membacanya.
- 7.4 Anda perlu menghafal *Access ID* anda dan memastikan bahawa tiada rekod bertulis mengenai *Access ID* itu disimpan di mana-mana tempat atau dengan cara yang membolehkan pihak ketiga mempunyai akses kepada *Access ID* berkenaan atau menggunakannya.
- 7.5 Anda tidak akan membenarkan mana-mana orang untuk melihat *Access ID* anda apabila anda memasukkan *Access ID* anda semasa hendak menggunakan dan mengakses Perkhidmatan.

7.6 Sekiranya anda mengesyaki atau menyedari bahawa:-

- i) terdapat orang yang tidak dibenarkan yang mengetahui *Access ID* anda; atau
- ii) berlakunya akses yang tidak dibenarkan kepada profil dan/atau akaun atau penggunaan *Access ID* anda melalui Perkhidmatan;
- iii) anda mesti dengan segera menukar *Access ID* anda yang ada atau meminta *Access ID* baharu, mana-mana yang berkenaan. Anda mesti dengan segera memaklumkan kepada kami melalui Sokongan Pelanggan PBe Public Bank dan mematuhi yang berikut:-
- iv) anda mesti memberi kami semua maklumat berkaitan dan bantuan sewajarnya untuk menyiasat perkara ini; dan
- v) anda mesti membuat susulan mengenai pemakluman di atas dengan pengesahan secara bertulis dan mengemukakan dokumen yang diperlukan oleh kami termasuk tetapi tidak terhad pada salinan laporan polis yang dibuat berkenaan dengan pendedahan *Access ID* anda atau akses yang tidak dibenarkan dalam Perkhidmatan dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh pendedahan *Access ID* anda dan/atau akses yang tidak dibenarkan kepada Perkhidmatan.

7.7 Tanpa mengira apapun dalam Fasal 4 hingga Fasal 7, kami boleh menyahaktifkan atau membatalkan penggunaan *Access ID* anda pada bila-bila masa dengan memberi maklumat kepada anda.

8. Liabiliti

8.1 Anda bersetuju bahawa kegagalan untuk mematuhi keperluan yang dinyatakan dalam Fasal 4 hingga Fasal 7 akan mendedahkan anda kepada akibat daripada kecurian atau kegunaan yang tidak dibenarkan Perkhidmatan untuk mengakses profil dan akaun anda, sekiranya demikian, anda akan dipertanggungjawabkan untuk semua tindakan yang dibuat melalui Perkhidmatan sama ada dalam pengetahuan atau kebenaran anda.

9. Akses kepada Maklumat Saudagar

Perkhidmatan PBe QR

9.1 Saudagar perlu memilih Akaun Public Bank atau Bank Pihak Ketiga mereka sendiri. Akaun ini akan digunakan oleh Bank untuk menerima Bayaran daripada Pembayar kepada Saudagar. Saudagar selanjutnya bersetuju bahawa Bank berhak untuk mendebit akaun Penyelesaian Saudagar bagi apa-apa caj perkhidmatan dan/atau apa-apa caj yang berkaitan dengan Perkhidmatan PBe QR. Saudagar dilarang sama sekali daripada menggunakan apa-apa Akaun bukan milik Saudagar.

9.2 Bank tidak mewajarkan ketepatan apa-apa maklumat berkenaan dengan Akaun Saudagar atau urus niaga seperti yang dilaporkan melalui Perkhidmatan PBe QR disebabkan kelewatan masa, gangguan dan kelewatan sistem yang sama dan/atau kesilapan yang berlaku. Saudagar dinasihatkan agar menyemak apa-apa gesaan, penyata atau notis yang dikeluarkan atau disediakan oleh Bank dengan kerap, untuk memastikan bahawa tiada kesilapan, ketaknalaran, percanggahan, tuntutan atau barangan atau urus niaga yang tidak dibenarkan, dan untuk memohon Bank untuk nasihat sekiranya terdapat peristiwa seumpamanya yang menyebabkan gangguan kepada operasi Saudagar berkaitan dengan penggunaan perkhidmatan ini.

- 9.3 Sekiranya Saudagar adalah seorang individu, Saudagar mestilah berumur lapan belas (18) tahun ke atas. Saudagar mesti memberi maklumat yang betul dan tepat kepada Bank termasuk tetapi tidak terhad pada maklumat berkaitan dengan nama mereka, No. KP, nombor telefon mudah alih, alamat, bentuk perniagaan, nama dan akaun perniagaan. Sekiranya terdapat apa-apa kemas kini pada maklumat saudagar, Saudagar hendaklah mengemas kini maklumat tersebut melalui Aplikasi Saudagar dan/atau memaklumkan kepada Bank dengan segera.
- 9.4 Penggunaan dan akses kepada Aplikasi Saudagar mungkin memerlukan akses kepada maklumat dan data pada Peralatan Saudagar. Sekiranya akses itu tidak diberikan kepada Bank, anda tidak boleh menggunakan dan mengakses Aplikasi Saudagar atau sesetengah fungsi dalam Aplikasi Saudagar. Dengan menggunakan dan mengakses Aplikasi Saudagar, anda dianggap telah membenarkan Bank untuk mengakses maklumat dan data sedemikian dalam Aplikasi Saudagar anda.
- 9.5 Bank boleh menggunakan kukis dan teknologi yang serupa (secara kolektif dirujuk sebagai "kukis"), untuk membuat penentusahan apabila anda menggunakan dan mengakses Aplikasi saudagar dan untuk mengambil maklumat mengenai kegunaan dan akses anda kepada Aplikasi Saudagar itu, anda bersetuju untuk menerima penggunaan kukis oleh Bank.
- 9.6 Sekiranya tetapan lokasi Peralatan dibolehkan atau diaktifkan apabila anda menggunakan dan mengakses Aplikasi Saudagar, anda dianggap telah membenarkan Bank untuk mengumpul, mengekalkan, memproses dan menggunakan data lokasi anda bagi tujuan untuk memberi dan memperbaiki perkhidmatan berasaskan lokasi yang disediakan. Anda boleh menarik balik kebenaran anda pada bila-bila masa dengan mematikan atau tidak membenarkan tetapan perkhidmatan lokasi pada Peranti Mudah Alih dan/atau Aplikasi Saudagar.
- 9.7 Sekiranya Saudagar dan Antara Muka memperoleh apa-apa data dan maklumat melalui Perkhidmatan yang bukannya untuk anda, anda bersetuju bahawa data atau maklumat itu hendaklah dipadamkan dengan segera dan anda hendaklah memaklumkan kepada Bank melalui apa jua cara dengan segera.

10. Obligasi Saudagar

Perkhidmatan PBe QR

- 10.1 Saudagar bertanggungjawab dan akan dipertanggungjawabkan atas tindakan pengurus dan juruwang outlet mereka. Saudagar bertanggungjawab untuk memberi tunjuk ajar kepada pengurus dan juruwang outlet mereka mengenai Terma dan Syarat Perkhidmatan PBe QR, Aplikasi Saudagar dan Perkhidmatan yang berkaitan terutamanya yang berkaitan dengan tanggungjawab Juruwang, operasi PBe QR dan risiko yang kemungkinan dalam menggunakan Perkhidmatan PBe QR.
- 10.2 Saudagar hendaklah memastikan maklumat yang disediakan dan aktiviti yang dijalankan melalui Perkhidmatan PBe QR tidak: -
- i) berunsur penipuan, melibatkan atau memudahkan penjualan barang tiruan atau barang curi;
 - ii) palsu, tidak tepat atau mengelirukan;
 - iii) terdiri daripada aktiviti pemberian peminjaman haram;
 - iv) secara langsung atau tidak langsung berkaitan dengan perjudian dan/atau aktiviti perjudian;
 - v) termasuk harta atau tindakan untuk mengenakan surcaj ke atas pembayar dengan fi bagi penerimaan bayaran melalui DuitNow QR dan PBe QR;
 - vi) menyalahi hakcipta, paten, tanda niaga, rahsia perdagangan atau hak harta atau hak publisiti atau kerahsiaan oleh mana-mana pihak ketiga;

- vii) melanggar apa-apa undang-undang, statut, ordinan, kontrak atau peraturan (termasuk, tetapi tidak terhad pada yang mengawal perkhidmatan kewangan, perlindungan pengguna, persaingan yang tidak adil, antidiskriminasi atau iklan palsu);
 - viii) memfitnah, fitnah perdagangan, mengancam secara haram atau menyalahi undang-undang;
 - ix) mengandungi apa-apa virus, *trojan horses*, cecacing, *time bombs*, *cancel bots*, *easter eggs* atau rutin pengaturcaraan komputer lain yang boleh merosakkan, menjejaskan, mencurigakan atau mencuri apa-apa sistem, data atau maklumat peribadi lain;
 - x) menyebabkan Kumpulan Public Bank untuk menerima aduan yang berlebihan mengenai akaun atau perniagaan anda;
 - xi) memberi Kumpulan Public Bank risiko ketidakpatuhan terhadap obligasi antiwang haram Kumpulan Public Bank (termasuk, tanpa had, apabila kami tidak dapat mengesahkan identiti anda).
- 10.3 Saudagar hendaklah memastikan maklumat yang didedahkan dalam Portal Saudagar adalah tepat dan terkini dengan maklumat terkini yang termasuk, tetapi tidak terhad pada, butiran perniagaan dan butiran nombor untuk dihubungi.
- 10.4 Sekiranya PBe QR digunakan hendak atau cuba untuk digunakan bagi apa-apa tujuan yang menyalahi undang-undang (termasuk tetapi tidak terhad bagi perkara di atas), akses Saudagar kepada PBe QR akan ditamatkan dengan serta-merta. Saudagar mungkin perlu membayar ganti rugi dan penalti lain, termasuk pendakwaan jenayah sekiranya ada.

11. Terma Bayaran

- 11.1 Saudagar bersetuju dan menerima bahawa apa-apa arahan yang diberikan oleh Saudagar berkenaan dengan Akaun Saudagar atau apa-apa urusan niaga lain, menggunakan Perkhidmatan PBe QR hendaklah pada setiap masa tertakluk pada had dan syarat yang ditetapkan atau ditentukan oleh Bank dari semasa ke semasa mengikut budi bicara mutlak.
- 11.2 Saudagar mengakui bahawa Bank boleh dari semasa ke semasa menawarkan Promosi PBe QR kepada Pembayar. Sekiranya Pembuat Bayaran menggunakan Promosi PBe QR, Saudagar akan menerima jumlah bayaran tolak nilai Promosi PBe QR dan fi urusan niaga (jika berkenaan) dalam akaun Saudagar menurut pelan PBe QR apabila bayaran berjaya. Nilai Promosi PBe QR akan dikreditkan dalam akaun Saudagar selepas empat puluh lapan (48) jam daripada urusan niaga Promosi PBe QR.
- 11.3 Sekiranya Saudagar memilih untuk menggunakan akaunnya di bank Pihak Ketiga untuk penyelesaian, Saudagar bersetuju bahawa Bank akan membuat pengkreditan tertanggung dalam akaun Saudagar. Saudagar selanjutnya faham bahawa dengan menggunakan akaun bank Pihak Ketiga, penyelesaian Saudagar akan dibuat atas dasar sekali gus pada hari berikutnya dan pengkreditan akhir tertakluk pada jendela pengkreditan GIRO Antara Bank (IBG).

12. Arahan

Perkhidmatan PBe QR

- 12.1 Sekiranya Saudagar mempunyai apa-apa sebab untuk mempercayai bahawa arahan tidak diterima secara tepat atau sepenuhnya oleh Bank, Saudagar hendaklah secara rasmi dan dengan segera memberitahu Bank dengan apa-apa cara tanpa kelewatan selepas penghantaran Arahan yang berkaitan.
- 12.2 Sekiranya Saudagar mempunyai apa-apa pertanyaan berhubung dengan Bayaran yang diterima, Bank akan, atas dasar usaha terbaik, memberikan penjelasan atau menjalankan penyiasatan atas permintaan Saudagar.

- 12.3 Bank berhak untuk tidak melaksanakan arahan Saudagar sekiranya arahan tersebut tidak konsisten dengan dasar atau undang-undang Bank atau apa jua sebab yang ditentukan oleh Bank.
- 12.4 Bank tidak bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan, kelewatan atau kekurangan oleh mana-mana Bank Pihak Ketiga yang disebabkan oleh mana-mana Saudagar yang mempunyai akaun atau selainnya apabila mereka melaksanakan arahan Bank kepada mereka.
- 12.5 Saudagar bersetuju bahawa semua arahan yang dikeluarkan oleh mereka, walaupun dalam bentuk elektronik, adalah sah dan mengikat dan Saudagar bersetuju untuk tidak mempertikai atau mencabar kesahan atau kebolehlaksanaan apa-apa arahan dengan syarat arahan itu dibuat dalam bentuk elektronik.

Perkhidmatan PBe QR API

- 12.6 Saudagar bersetuju bahawa arahan yang diterima daripada Antara Muka bagi pihak Saudagar melalui penggunaan Perkhidmatan PBe QR API mengikat Saudagar secara sah.
- 12.7 Bank akan menerima semua arahan Perkhidmatan PBe QR API yang diterima daripada Saudagar melalui Antara Muka sebagai tidak boleh dibatalkan Bank.
- 12.8 Saudagar akan memastikan bahawa semua arahan yang dihantar kepada Bank melalui Antara Muka dibuat oleh orang yang dibenarkan oleh Saudagar dan tidak akan mempertanggungjawabkan Bank bagi apa-apa salah guna akses, maklumat atau pendedahan rahsia perdagangan yang disebabkan oleh Antara Muka atau kakitangan Saudagar.

13. Pendedahan Maklumat Saudagar

- 13.1 Anda bersetuju dan memberi keizinan kepada Bank (termasuk kakitangan, ejen kami atau mana-mana orang yang kami berikan akses kepada rekod kami berkaitan dengan anda atau penggunaan dan akses anda kepada Perkhidmatan) untuk mendedahkan maklumat berkaitan dengan anda dan penggunaan serta akses anda kepada Perkhidmatan kepada mereka yang berikut:
- i) mana-mana satu atau lebih ahli Kumpulan Public Bank bagi tujuan:-
 - a) pelaporan;
 - b) pelaksanaan fungsi-fungsi berpusat termasuk tetapi tidak terhad pada audit, risiko, pengurusan, kewangan dan teknologi maklumat;
 - c) pematuhan dasar, garis panduan, arahan atau keperluan Kumpulan Public Bank;
 - d) pelaksanaan korporat;
 - e) mengelakkan penipuan dan jenayah;
 - f) pemungutan hutang;
 - g) penyumberan luar fungsi-fungsi dan/atau operasi kami;
 - h) penyiasatan, pengelakan atau sebaliknya berkaitan dengan penggubahan wang dan aktiviti jenayah;
 - i) memperbaiki dan menambah peruntukan perkhidmatan lain oleh kami atau mana-mana Kumpulan Public Bank kepada anda.
 - ii) mana-mana orang bagi atau yang berkaitan dengan apa-apa tindakan atau prosiding yang diambil oleh kami untuk memulihara dan menguatkuasakan hak kami di bawah Terma dan Syarat ini.
 - iii) mana-mana orang yang kami lantik bagi tujuan untuk melaksanakan atau berkaitan dengan prestasi perkhidmatan atau fungsi operasi yang telah disumberluarkan;

- iv) juruaudit, peguamcara dan penasihat profesional kami;
 - v) polis atau mana-mana pegawai polis yang menjalankan penyiasatan berkaitan dengan apa-apa kesalahan termasuk kesalahan yang disyaki;
 - vi) pencetak bahan-bahan alat tulis kami, vendor sistem komputer yang kami gunakan dan kepada mereka yang memasang dan menyelenggaranya serta pembekal barang-barang atau penyedia perkhidmatan yang kami lantik;
 - vii) mana-mana agensi penarafan;
 - viii) peserta sebenar atau bakal peserta atau subpeserta berkaitan dengan mana-mana daripada obligasi kami di bawah perjanjian perbankan antara anda dengan kami, atau penyerahhak, novati atau penerima pindahan;
 - ix) mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau separa kerajaan dengan bidang kuasa ke atas kami atau mana-mana ahli Kumpulan Public Bank;
 - x) mana-mana pihak berkuasa percukaian atau penyiasatan bagi tujuan untuk memudahkan pertukaran maklumat berkaitan dengan urusan cukai;
 - xi) mana-mana pihak yang perlu bagi Bank untuk pelaksanaan tanggungjawabnya di bawah Terma dan Syarat ini;
 - xii) mana-mana orang yang kepadanya kami atau mana-mana ahli Kumpulan Public Bank dibenarkan atau perlu untuk mendedahkannya di bawah undang-undang negara ini.
 - xiii) mana-mana orang yang diberi kuasa untuk menggunakan dan mengakses Perkhidmatan; dan
 - xiv) mana-mana Orang yang Dibenarkan oleh Saudagar.
- 13.2 Kami dan Kumpulan Public Bank boleh bertindak dalam apa jua cara yang kami anggap sesuai, sekiranya perintah mahkamah dalam apa-apa bidang kuasa diserahkan kepada kami. Anda bersetuju bahawa akan tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian atau ganti rugi berkaitan dengan tindakan kami.
- 13.3 Anda mengesahkan bahawa anda telah menerima, membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Kerahsiaan yang dikeluarkan oleh kami yang boleh didapati melalui <http://www.pbebank.com/Others/Privacy.aspx>. Anda bersetuju bahawa kandungan Notis Kerahsiaan ini akan dianggap sebagai telah digabungkan dengan merujuk Terma dan Syarat ini.
- 13.4 Kami mungkin mendedahkan maklumat anda kepada mana-mana ahli Kumpulan Public Bank bagi tujuan untuk memperkenalkan, memasarkan atau menawarkan apa-apa produk dan perkhidmatan kecuali anda memilih untuk tidak membenarkan kami untuk mendedahkan maklumat anda bagi tujuan berkenaan.
- 13.5 Kami boleh mendedahkan maklumat anda kepada mana-mana Saudagar, rakan kongsi strategik atau mana-mana pihak ketiga kami bagi tujuan untuk memperkenalkan, memasarkan atau menawarkan produk dan perkhidmatan sekiranya anda memberi keizinan anda kepada kami untuk berbuat demikian.
- 13.6 Kami berhak untuk:-
- i) memeriksa outlet atau premis perniagaan Saudagar; dan/atau
 - ii) meminta dokumen untuk mengesahkan identiti dan aktiviti perniagaan Saudagar, bagi tujuan pematuhan kepada dasar dan/atau prosedur dalaman Bank, undang-undang dan peraturan dan/atau atasebab lain yang Bank anggap bersesuaian.

14. Fi dan Caj

- 14.1 Saudagar bersetuju bahawa Bank berhak untuk mendebit Akaun Saudagar atau menolak selesai jumlah Bayaran untuk caj perkhidmatan, fi urus niaga, caj kerajaan atau cukai kena dibayar dan apa-apa caj lain yang berkaitan dengan Perkhidmatan PBe QR.
- 14.2 Saudagar juga mengakui bahawa Bank boleh mengenakan fi berasaskan urus niaga yang tidak melebihi 0.99% daripada nilai untuk setiap urus niaga yang berjaya atau sekiranya Saudagar dicaj dalam nilai Ringgit, Bank boleh mengenakan caj sehingga RM1.00 bagi setiap urus niaga yang berjaya. Caj ini, sama ada dalam peratusan atau Ringgit adalah berdasarkan pelan yang dilanggan oleh Saudagar dan jenis akaun yang digunakan oleh Pembayar untuk membuat bayaran. Bank boleh mengurangkan atau menetapkan fi dan caj yang dikenakan kepada Saudagar berdasarkan mengikut satu-satu kes.
- 14.3 Saudagar juga bersetuju dan mengakui bahawa Bank berhak dari semasa ke semasa untuk melevi atau mengubah apa-apa fi dan caj kepada Saudagar dengan memberi notis dua puluh satu (21) hari kalendar dengan mempamerkan fi dan caj baharu di premis Bank dan/atau laman web berkenaan atau dengan yang Bank anggap wajar dari semasa ke semasa.
- 14.4 Saudagar bersetuju untuk membayar Bank semua cukai yang dikenakan ke atas caj perkhidmatan atau fi urus niaga.

15. Pemasaran

- 15.1 Bagi apa-apa promosi pemasaran yang dimulakan oleh Saudagar yang melibatkan PBe QR, Saudagar akan diberi tanggungjawab untuk memastikan semua isi kandungan dan terma yang dinyatakan dalam Promosi PBe QR Saudagar adalah betul dan saksama dan tidak menyalahi apa-apa peraturan dan undang-undang Malaysia dan/atau menyebabkan apa-apa bahaya, kesalahan dan/atau diskriminasi kepada Pembayar atau orang awam. Bank tidak akan bertanggungjawab bagi Promosi PBe QR Saudagar dan tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa salah representasi Promosi PBe QR Saudagar, dan Saudagar akan menanggung rugi dan mengelakkan Bank daripada menanggung rugi sepenuhnya daripada dan terhadap mana-mana dan semua tuntutan, kerugian, liabiliti, kos dan perbelanjaan (termasuk tetapi tidak terhad pada fi guaman) secara langsung atau tidak langsung daripadanya atau yang timbul daripadanya.

16. Ketersediaan Perkhidmatan

- 16.1 Perkhidmatan boleh dihentikan pada waktu yang ditetapkan seperti yang dinyatakan dalam laman web korporat kami atau apabila mengakses Perkhidmatan. Bagaimanapun, kami tidak menjamin bahawa Perkhidmatan akan disediakan dan tidak terganggu pada setiap masa.
- 16.2 Bank akan menggunakan usaha munasabah untuk memberitahu anda mengenai apa-apa jadual penyenggaraan dengan memberi makluman kepada anda seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini.

17. Penolak Tuntutan

- 17.1 Dengan menggunakan Perkhidmatan, Saudagar dan Antara Muka mengaku dan bersetuju:-
- i) untuk menerima risiko bawaan yang berkaitan dengan mana-mana tindakan yang diambil melalui Internet; dan
 - ii) bahawa kami tidak membuat apa-apa representasi atau jaminan lisan atau tersirat berkaitan dengan Perkhidmatan.
- 17.2 Sejauh mana yang dibenarkan oleh undang-undang dan tanpa prejudis kepada mana-mana fasal di bawah Terma dan Syarat ini, Bank termasuk mana-mana pengarah, pegawai dan kakitangan kami tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa ganti rugi, kerugian, kos dan perbelanjaan berikutan daripada atau berkaitan dengan Perkhidmatan atau penggunaan atau ketidakmampuan Perkhidmatan atau berkaitan dengan apa-apa penangguhan, kesusilaan, ketertinggalan, kecacatan, virus komputer atau kegagalan sistem.

- 17.3 Tanpa mengehendkan keluasan makna pada Fasal 16.2 di atas, sejauh mana dibenarkan sepenuhnya oleh undang-undang, Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian, ganti rugi atau rasa malu yang dialami atau ditanggung oleh anda atau mana-mana pihak ketiga oleh sebab atau berikutan:-
- i) kegagalan anda untuk mematuhi Terma dan Syarat ini;
 - ii) apa-apa kesilapan, pemindaan atau kemusnahan data; atau maklumat kepada atau daripada kami melalui perkhidmatan dan Internet;
 - iii) apa-apa pencerobohan atau serangan oleh mana-mana orang atau pihak terhadap perkakasan, perisian atau sistem yang digunakan berkaitan dengan Perkhidmatan atau pada internet termasuk tetapi tidak terhad pada virus, *trojen horses*, cecacing dan/atau *makros* atau komponen berbahaya lain atau melumpuhkan peranti yang boleh melumpuhkan, mengganggu atau melumpuhkan Perkhidmatan atau mana-mana bahagian fungsinya;
 - iv) apa-apa sekatan atau larangan berhubung dengan penggunaan Perkhidmatan oleh mana-mana undang-undang atau peraturan dari mana-mana negara di mana anda mengakses Perkhidmatan;
 - v) apa-apa kehilangan atau kerosakan yang disebabkan oleh Peranti Mudah Alih, penyedia penyemak seimbans internet atau oleh Penyedia Perkhidmatan Rangkaian;
 - vi) apa-apa gangguan atau kegagalan fungsi apa-apa Peranti Mudah Alih, sistem atau perisian yang digunakan berkaitan dengan Perkhidmatan, sama ada dipunyai oleh kami atau sebaliknya, termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa terminal elektronik, pelayan atau sistem, peranti komunikasi, sambungan, elektrik, bekalan tenaga, telekomunikasi atau rangkaian atau sistem telekomunikasi lain;
 - vii) kegagalan anda untuk mematuhi arahan, prosedur dan petunjuk terkini bagi penggunaan Perkhidmatan; atau
 - viii) gangguan atau kehilangan data atau arahan atau semasa transmisi sama ada melalui Perkhidmatan atau sebaliknya yang digunakan oleh kami atau mana-mana pihak ketiga sama ada berkaitan dengan Perkhidmatan atau tidak.

18. Tanggung rugi

- 18.1 Sebagai tambahan kepada dan tanpa prejudis kepada apa-apa hak atau remedi lain yang kami punyai (mengikut undang-undang atau sebaliknya) dan sejauh mana dibenarkan oleh undang-undang, anda akan menanggung rugi dan mengelakkan kami daripada menanggung rugi pada setiap masa daripada dan terhadap semua tuntutan, kos, ganti rugi, liabiliti, caj dan perbelanjaan termasuk fi guaman dan kos atas dasar tanggung rugi penuh dan semua cukai barang atau perkhidmatan, selain daripada cukai, duti dan levi yang perlu dibayar bagi kos, caj dan perbelanjaan yang kami mungkin tanggung, atau alami disebabkan:-
- i) anda tidak mematuhi atau memungkiri Terma dan Syarat atau apa-apa syarat terma lain yang diterima pakai ke atas anda;
 - ii) kami bertindak menurut apa-apa arahan yang dikatakan diberikan kepada kami mengikut Terma dan Syarat ini.
 - iii) apa-apa perubahan dalam undang-undang yang diterima pakai termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa undang-undang atau garis panduan percukaian mana-mana negara yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami;
 - iv) apa-apa tindakan yang diambil oleh mana-mana pihak terhadap anda atas apa jua sebab termasuk tetapi tidak terhad pada apa-apa penggunaan yang tidak sah, penipuan, kecuaiian atau yang tidak dibenarkan daripada Perkhidmatan.

- v) Pemeliharaan atau penguatkuasaan hak kami di bawah Terma dan Syarat ini.
- vi) Pematuhan oleh kami akan apa-apa keputusan, perintah mahkamah, dikri, arahan, undang-undang, peraturan atau apa-apa perintah yang dikeluarkan oleh mana-mana tribunal atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami.

19. Hak Proprietari dan Hak Harta Intelek

- 19.1 Anda mengakui bahawa semua proprietari dan hak harta intelek dalam Perkhidmatan ini termasuk tanda niaga dan perkhidmatan adalah milik Bank atau Kumpulan Public Bank sahaja. Hakcipta dalam dan terhadap kandungan Perkhidmatan ini dimiliki oleh atau dilesenkan bagi kegunaan Kumpulan Public Bank. Tiada satu bahagian pun daripada kandungan itu boleh dikeluarkan semula, diedarkan, diterbitkan, diubah suai, dipamerkan, disiarkan, dipautan hiper atau dikirim dalam apa jua cara tanpa keizinan bertulis oleh Kumpulan Public Bank.
- 19.2 Penggunaan dan akses Perkhidmatan tidak memberi apa-apa lesen atau hak untuk menggunakan tanda niaga, tanda perkhidmatan, hakcipta, paten atau apa-apa hak harta intelek sama ada dilindungi sebelum ini, dipohon bagi Perkhidmatan. Selain itu, kegunaan perkhidmatan oleh Saudagar tidak memberi kebenaran kepada Saudagar lesen atau hak untuk menggunakan tanda niaga Pihak Ketiga tanpa kelulusan bertulis Pihak Ketiga yang memiliki hak terhadap tanda nama berkenaan.
- 19.3 Anda bersetuju untuk berhenti daripada menggunakan dan mempamerkan bahan-bahan Bank berkaitan dengan PBe QR dan untuk memulangkan atau melupuskan semua harta Bank apabila diminta apabila akaun PBe QR ditamatkan atau ditutup.

20. Penggantungan atau Penamatan

- 20.1 Kami boleh tanpa notis terlebih dahulu menggantung atau menamatkan hak anda untuk menggunakan dan mengakses Perkhidmatan atau mana-mana bahagian daripadanya tanpa perlu memberi apa-apa sebab.
- 20.2 Kami boleh menggantung atau menamatkan hak anda untuk menggunakan dan mengakses Perkhidmatan serta-merta sekiranya:-
- i) anda mengugut untuk memungkir atau telah memungkir mana-mana fasal dalam Terma dan Syarat ini;
 - ii) anda meninggal dunia atau menjadi tidak berupaya, tidak waras, insolven, bankrap, berdepan dengan penggulungan atau tertakluk pada prosiding kehakiman;
 - iii) penerima, pegawai kehakiman, penyelesaian, penyelesaian sementara, penerima dan pengurus, pentadbir atau pegawai seumpamanya yang lain telah dilantik bagi mana-mana aset atau akujanji;
 - iv) anda menyertai apa-apa pengaturan dengan mana-mana pemiutang atau pengurusan kehakiman;
 - v) anda berhenti daripada menjalankan perniagaan;
 - vi) pada bila-bila masa selepas permohonan anda diluluskan bagi Perkhidmatan, undang-undang dan peraturan yang mengawal Bank menjadikannya menyalahi undang-undang, tidak sah, atau tidak mungkin untuk kami memberi anda atau terus membenarkan anda menggunakan Perkhidmatan atau memenuhi obligasi kami di bawah Terma dan Syarat ini.
 - vii) siasatan polis, pihak berkuasa atau pengawal selia akan atau sedang diambil terhadap anda;
 - viii) sekiranya terdapat laporan terhadap anda di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001;

- ix) sekiranya kami mengesyaki atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa Perkhidmatan itu digunakan bagi apa-apa aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- 20.3 Saudagar juga memahami bahawa Bank boleh menanda urus niaga Saudagar bagi pertikaian perdagangan. Saudagar hendaklah membuat siasatan yang perlu untuk menyelesaikan pertikaian dengan Pelanggan dan menyelesaikan penandaan itu
- 20.4 Kegagalan untuk menyelesaikan penandaan dalam tempoh masa yang ditetapkan akan menyebabkan penggantungan perkhidmatan Aplikasi Saudagar yang mana Saudagar tidak akan dapat mengakses kepada Aplikasi dan Portal Saudagar akan dihadkan sehingga pertikaian perdagangan diselesaikan.
- 20.5 Anda boleh menghentikan akses kepada Perkhidmatan pada bila-bila masa dengan memaklukkannya kepada Bank melalui Pasukan Sokongan Pelanggan PBe Bank.
- 20.6 Anda bersetuju bahawa penamatan akses kepada Perkhidmatan tidak akan menjejaskan liabiliti atau obligasi anda berkenaan dengan arahan yang disediakan kepada dan/atau yang diproses oleh kami bagi pihak Saudagar pada tarikh kuat kuasa penamatan tersebut.

21. Cukai, Duti dan Levi

- 21.1 Anda bertanggungjawab untuk membayar apa-apa cukai atau levi yang diperlukan mengikut undang-undang, garis panduan, keputusan atau arahan yang dikeluarkan di bawah undang-undang berkenaan (dan hendaklah termasuk apa-apa pindaan yang dibuat oleh undang-undang, peraturan, garis panduan, keputusan atau arahan tersebut) untuk dibayar kepada mana-mana orang atau pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasa ke atas kami berkenaan dengan apa-apa fi dan caj yang dikenakan atau yang ditanggung oleh kami dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami berkaitan dengan Perkhidmatan.
- 21.2 Apa-apa cukai atau levi yang ditanggung oleh kami berkaitan dengan Perkhidmatan dan apa-apa barang atau perkhidmatan yang disediakan di bawah Perkhidmatan ini hendaklah ditanggung oleh dan dicalah kepada anda dan sekiranya kami hendaklah melaksanakan apa-apa bayaran, anda bertanggungjawab untuk membayar semula kepada kami amaun yang dibayar itu.

22. Antirasuah

- 22.1 Kami telah melancarkan Dasar Antirasuah dan Antisogokan (yang boleh didapati pada laman web melalui <https://www.publicbankgroup.com/About-Us/Board-Of-Directors-Anti-Bribery-and-Anti-Corruption-Policy>) yang menerima pakai "pendekatan sifar toleransi" terhadap apa juga bentuk rasuah dan sogokan dalam menjalankan perniagaannya. Anda boleh memastikan anda mematuhi Dasar Antirasuah dan Antisogokan itu dan tidak akan melakukan apa-apa tindakan antirasuah atau antisogokan yang boleh dianggap sebagai bertentangan dengan Akta Suruhanjaya Antirasuah Malaysia 2009 ("Akta MACC"), garis panduan, undang-undang kecil, peraturan dan apa-apa enakmen semula Akta MACC berkenaan.
- 22.2 Kami boleh menamatkan penggunaan dan akses anda kepada Perkhidmatan dengan serta-merta sekiranya anda didapati melanggar Dasar Antirasuah dan Antisogokan itu atau didapati terlibat dengan apa-apa amalan rasuah atau sogokan.

23. Notis

- 23.1 Apa-apa notis, tuntutan, permohonan atau komunikasi yang kami hantar kepada anda mungkin:-
 - i) dihantar dengan tangan ke alamat terakhir anda yang diketahui oleh kami;
 - ii) dihantar melalui pos (berdaftar, berdaftar AR, biasa atau seumpamanya) ke alamat terakhir anda yang diketahui oleh kami;
 - iii) dihantar melalui faksimile ke nombor faksimile terakhir anda yang diketahui oleh kami;

- iv) dihantar melalui mel elektronik ke mel elektronik terakhir anda yang diketahui oleh kami;
- v) dihantar melalui mesej pesanan ringkas (SMS) terakhir anda yang diketahui oleh kami;
- vi) berkomunikasi dengan anda dengan meletakkan pada laman web kami.

23.2 Tuntutan, permohonan atau komunikasi tersebut akan dianggap telah diterima oleh anda:-

- i) semasa penghantaran ke alamat anda, sekiranya dihantar dengan tangan;
- ii) pada hari ketiga (termasuk hari pengeposan), dari tarikh diposkan;
- iii) pada waktu penghantaran faksimile selesai;
- iv) pada waktu penghantaran mel elektronik selesai;
- v) pada waktu penghantaran sistem pesanan pendek (SMS) selesai; atau
- vi) pada waktu pengeposan di laman web kami.

23.3 Anda bersetuju untuk memaklumkan dengan segera mengenai apa-apa perubahan pada surat-menyurat, penghantaran mel atau alamat kediaman dan maklumat untuk menghubungi anda ("maklumat"). Sekiranya anda tidak memaklumkan kepada kami mengenai perubahan dalam maklumat anda, anda bersetuju bahawa kami boleh bergantung kepada mana-mana alamat dan/atau menghubungi maklumat seperti yang ditunjukkan dalam rekod kami atau kami memperoleh apa-apa komunikasi yang dikatakan dikeluarkan oleh anda kepada kami.

23.4 Apa-apa kegagalan oleh anda untuk memaklumkan mengenai apa-apa perubahan dalam maklumat anda berikutan penangguhan atau surat-menyurat dan/atau notis tidak dihantar tidak akan memprejudiskan hak dan kelayakan anda di bawah Terma dan Syarat ini.

24. **Force Majeure**

24.1 Sekiranya kami tidak dapat melaksanakan tanggungjawab kami di bawah Perjanjian ini disebabkan oleh apa juga keadaan di luar kawalan kami termasuk tetapi tidak terhad pada kerosakan atau kegagalan peralatan, sistem atau pautan transmisi, kebakaran, banjir, letupan, unsur perbuatan, bencana alam, tindakan keganasan, peperangan (yang diisytiharkan atau tidak), kemalangan, epidemik, pandemik, mogok, sekatan masuk, terputus bekalan elektrik, pertikaian pekerja, embargo, rusahan, gangguan awam, tsunami, kegagalan atau gangguan telekomunikasi, internet, air dan bekalan minyak atau apa-apa keadaan lain dalam bentuk *force majeure*, iaitu peristiwa yang tidak dijangka yang menghalang kami daripada melaksanakan tanggungjawab kami di bawah Terma dan Syarat ini, kami tidak akan dalam apa juga cara bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan, kerugian, kerosakan atau kesukaran yang anda mungkin alami berikutan kegagalan untuk melaksanakannya.

25. **Penepian**

25.1 Apa-apa kegagalan atau penangguhan oleh kami untuk melaksanakan hak dan remedi yang disediakan kepada kami di bawah Terma dan Syarat ini atau undang-undang tidak harus dianggap sebagai penepian oleh kami untuk melaksanakan hak dan remedi tersebut.

25.2 Sekiranya kami memutuskan untuk tidak melaksanakan apa-apa hak yang kami mungkin ada berkaitan dengan kemungkiran tuan/puan, ia tidak boleh dianggap sebagai penepian hak kami dan kami mengekalkan hak kami pada bila-bila masa selepas itu untuk menguatkuasakan atau menegakkan hak kami berkaitan dengan kemungkiran itu atau apa-apa kemungkiran berikutnya oleh tuan/puan.

26. Kebolehasingan

- 26.1 Sekiranya mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini adalah atau menjadi tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, peruntukan yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan itu hendaklah dianggap sebagai tidak dimasukkan dalam Terma dan Syarat ini dan baiki Terma dan Syarat ini akan diteruskan sebagai efektif dan dikuatkuasakan dan tidak akan terjejas dalam apa jua cara oleh fasal yang tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan.

27. Aduan dan Pertikaian

- 27.1 Sekiranya Saudagar mempunyai apa-apa pertanyaan atau memerlukan bantuan, sila hubungi Sokongan Pelanggan PBe Public Bank, nombor telefon yang disenaraikan di <https://www.pbebank.com>. Di samping itu, Saudagar dinasihatkan untuk mengkaji semula Dasar Kerahsiaan, Penyata Keselamatan dan Piagam Pelanggan Bank di laman web Public Bank. Bagi Saudagar yang mempunyai pertanyaan dan/atau isu dan/atau aduan yang berkaitan dengan Akaun Bank Pihak Ketiga mereka, sila hubungi meja bantuan Pihak Ketiga yang berkenaan.
- 27.2 Saudagar hendaklah menyatakan bentuk pertanyaan, aduan dan/atau pertikaian Saudagar dan apa-apa maklumat atau maklumat lain yang diperlukan oleh Bank dan aduan dan/atau pertikaian itu hendaklah disiasat, dikendalikan dan/atau diselesaikan mengikut prosedur penyelesaian aduan dan penyelesaian Bank.
- 27.3 Sekiranya pertikaian perdagangan timbul daripada Pembayar berikutan tindak tanduk perniagaan Saudagar, Bank boleh, tetapi tidak diwajibkan, memudahkan komunikasi antara Pembayar dengan Saudagar. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa kerugian dan/atau tindakan undang-undang yang diambil oleh dan/atau kepada mana-mana pihak.
- 27.4 Saudagar akan menjawab pertanyaan Bank dalam tempoh tujuh (7) hari mengenai urusan niaga yang dipertikaikan oleh Pembuat Bayaran. Saudagar akan memberikan kepada Bank semua dokumen dan bukti yang perlu untuk menyokong siasatan berhubung pertikaian berkenaan. Sekiranya Saudagar gagal untuk menjawab dalam tempoh waktu ditetapkan itu, Portal Saudagar dan/atau Aplikasi Saudagar boleh digantung atau dinyahtifkan oleh Bank, dan Saudagar akan dipertanggungjawabkan bagi apa-apa ganti rugi yang dialami oleh Bank atau mana-mana pihak berkaitan dengan jawapan tersebut.
- 27.5 Apa-apa aduan dan/atau pertikaian seumpamanya yang dibuat oleh Saudagar akan dianggap betul dan sah dan Saudagar mengaku bahawa Saudagar akan dipertanggungjawabkan kepada Bank berkaitan dengan aduan atau tuntutan palsu atau tidak benar itu.

28. Pindaan

- 28.1 Public Bank boleh, pada bila-bila masa, meminda, mengubah suai, menyemak semula dan/atau menukar prosedur dan proses yang diterima pakai bagi Perkhidmatan serta fungsi dan butiran berkaitan dengan perkhidmatan yang diberi dalam Perkhidmatan ini termasuk nama Perkhidmatan dengan memberi notis kepada Saudagar.
- 28.2 Bank boleh meminda, mengubah suai, menyemak semula dan/atau mengubah Tema dan Syarat ini dengan memberi notis selama 21 hari terlebih dahulu kepada Saudagar. Sekiranya Saudagar terus menggunakan dan mengakses Perkhidmatan, Saudagar dianggap bersetuju terhadap pindaan, pengubahsuaian, semakan semula dan perubahan pada Terma dan Syarat tersebut.
- 28.3 Sekiranya perubahan baharu/perubahan pada garis panduan baharu/sedia ada oleh PayNet telah berkuat kuasa, terma tersebut, walaupun tidak dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, akan diterima pakai ke atas Saudagar.

29. Remedi Terkumpul

- 29.1 Hak, remedi, kuasa dan keistimewaan yang disediakan di bawah Terma dan Syarat ini adalah terkumpul dan tidak eksklusif ke atas apa-apa hak, remedi dan keistimewaan yang diperuntukkan oleh undang-undang, dalam perjanjian lain antara pihak-pihak atau sebaliknya.

30. Pemeliharaan Hak dan Kelayakan

- 30.1 Anda bersetuju bahawa walau apapun yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini, hak dan kelayakan kami seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat ini akan terus kekal berkuat kuasa dan berkesan dan mengatasi apa-apa penamatan, pembatalan, perubahan atau penggantungan akses kepada Perkhidmatan.

31. Perubahan dalam Perlembagaan

- 31.1 Sekiranya anda adalah syarikat, Terma dan Syarat ini akan terus sah, mengikat dan boleh dikuatkuasakan ke atas anda walaupun sekiranya terdapat perubahan dalam perlembagaan anda, sama ada oleh penggabungan, penyatuan, pembinaan semula atau apa juga.

32. Penyerahhakan

- 32.1 Anda boleh menyerahkan hak mana-mana hak dan obligasi anda di bawah Terma dan Syarat ini.
- 32.2 Kami boleh menyerahhakan semua atau mana-mana hak kami di bawah Terma dan Syarat ini kepada mana-mana orang yang kami anggap wajar.

33. Bakal Pengganti

- 33.1 Terma dan Syarat ini akan mengikat wakil peribadi dan pengganti hakmilik Saudagar dan penyerahhakan dan pengganti hakmilik Bank.

34. Undang-undang yang Mengawal

- 34.1 Terma dan Syarat ini akan dikawal oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan anda tanpa boleh batal perlu mematuhi bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah di Malaysia.
- 34.2 Anda bersetuju untuk menngetepikan apa-apa bantahan atas alasan kesesuaian tempat, bidang kuasa atau alasan yang lain.